



HAMPER: Murnizam menyampaikan hamper kepada pelajar baharu yang membuat persembahan pada majlis itu. Turut kelihatan Nur Iman dan Fauzan (kiri).

Pelajar baharu UMSKAL tunjuk bakat menyanyi

DB 13.9.2019 5

LABUAN: Mahasiswa baharu Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) Sesi 2019/2020 menunjukkan bakat dan kemahiran masing-masing pada Malam Penutupan Majlis Suai Mesra (MSM) Pelajar Baharu Sesi 2019/2020, di sini baru-baru ini.

Selain menyanyi, mereka juga berbakat dalam bidang tarian dan pidato yang menghiburkan rakan-rakan mereka pada malam itu.

Kegembiraan dan kepuasan jelas terbayang pada wajah mereka dengan kehadiran Pengarah UMSKAL Prof Dr Murnizam Halik yang turut menyumbangkan lagu kegemaran beliau.

Turut menyerikan majlis itu ialah Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Dr

Suzillah Sidek, Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL Zamri Mohammad Tuah, Ketua Sektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Nur Iman Reedz serta Ketua Pengarah PSM Fauzan Mirza Eko.

Seramai 400 pelajar baharu telah ditawarkan pengajian di Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) dan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI).

Murnizam mengucapkan terima kasih kepada Pembimbing Suai Mesra (PSM) dan kakitangan yang menjayakan program MSM pada kali ini.

Beliau berharap mahasiswa baharu akan meneruskan kebolehan mereka dalam bidang masing-masing termasuk sukan, kebudayaan dan kokurikulum untuk mewakili UMSKAL dan UMS pada masa hadapan.